



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

IBU PEJABAT BANK MUAMALAT DAN CAWANGAN JALAN MELAKA, KL AKAN KEMBALI BEROPERASI SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAWASAN MASJID INDIA, KUALA LUMPUR DITAMATKAN

KUALA LUMPUR, 05 Mei, 2020: Ibu Pejabat Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dan Cawangan Jalan Melaka di Kuala Lumpur akan kembali beroperasi esok berikutan keputusan Kerajaan untuk menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan Masjid India dan jalan-jalan sekitarnya berkuatkuasa 3 Mei 2020.

Susulan itu, semua kakitangan BMMB yang terlibat dalam perkhidmatan penting di bangunan Ibu Pejabat dan Cawangan Jalan Melaka akan kembali bertugas di premis berkenaan. Walaupun begitu, sebahagian besar daripada warga kerjanya di dua lokasi tersebut akan terus bekerja dari rumah untuk membantu mengekang penularan pandemik COVID-19.

Cawangan Jalan Melaka akan dibuka dari jam 10 pagi hingga jam 2 petang pada hari Isnin hingga Jumaat. Sementara waktu operasi Terminal Layan Diri (SST) di cawangan berkenaan adalah dari jam 6 pagi hingga tengah malam setiap hari.

Walaupun Cawangan BMMB Jalan Melaka akan beroperasi semula esok, Bank Muamalat menggalakkan pelanggannya untuk menggunakan perkhidmatan perbankan dalam talian kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih berkuatkuasa di seluruh negara.

BMMB juga terus mengambil langkah-langkah untuk menjaga kesihatan dan keselamatan pelanggan dan warga kerjanya dan memberi jaminan kepada pelanggannya bahawa perkhidmatannya terus beroperasi seperti biasa dengan gangguan minimum.

Sebelum ini, kawasan Masjid India dan jalan-jalan sekitarnya diletak di bawah PKPD bermula 14 April lalu.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

Saidatul Leiza Suleiman: +6011 1061 5266 | leiza@muamalat.com.my

TAMAT